

## Lingua Universalis: Dahulu dan Kini

EUGENY MAEVSKY & VICTOR POGADAEV

Dan Tuhan berfirman: <...>  
Baiklah kita turun dan mengacaulaukan  
di sana bahasa mereka, sehingga mereka  
tidak mengerti lagi bahasa masing-masing.  
(Alkitab. Kejadian, 11 : 6-7).

### PENDAHULUAN

Gagasan ini sudah lebih daripada 400 tahun umurnya, tetapi ianya tetap bertahan. Kiranya masa sekarang ini tidak sesuai dengannya, bagaimana boleh memikirkan mengenai sebarang *lingua universalis* bila di berbagai-bagai pelosok dunia sewaktu-waktu persekutuan terpecah belah, pemerintahan sendiri ditiadakan dan kedaulatan diistiharkan, bila bibit-bibit permusuhan kebangsaan terus disemaikan dan gerakan menegakkan identiti beberapa bangsa semakin menjadi-jadi? Akan tetapi *lingua universalis* bukan merupakan bahasa empayar. Sebenarnya ianya adalah impian cerah dan cita-cita tinggi. Yang dimaksudkan itu bukan sekadar “bahasa semesta” atau “bahasa antarabangsa”, melainkan bahasa antarabangsa buatan, yang tersusun lebih bijaksana daripada bahasa-bahasa biasa dan oleh sebab itu tidak ditanamkan secara paksa oleh siapapun; sebaliknya yang tersebar luas dengan sendirinya kerana ianya adalah yang paling sempurna.

Cita-cita itu mempesonakan orang. Antara mereka yang ditawan gagasan itu ialah Ratu Rusia Cathrine Agung (1729-1796)<sup>1</sup> dan Pelukis Perancis Jean Effel (1908-1982). Bilangan rancangan bahasa seumpama itu dikenali berjumlah tidak kurang daripada seribu, termasuk tujuh ratus versi bahasa Esperanto. Memang utopia yang pernah melalui semua tahap perkembangannya: dari projek bilik kajian sampai ke gerakan beramai-ramai.

### PERKEMBANGAN BEBERAPA PROJEK *LINGUA UNIVERSALIS*

Gagasan bahasa buatan telah menguasai fikiran umat manusia pada permulaan abad ke-17. Jangka masa itu ialah waktu pencarian dan kehidupan rohaniah yang intensif. “Semua dombakan pembaharuan, mencita-citakan datangnya abad keemasan, El Dorado rohaniah. Ada orang yang dengan tekun mengkaji buku magik, yang lain bertungkus lumus di bengkel tukang besi inginkan melebur

logam adi, yang lain lagi berusaha mengendalikan bintang dan ada juga yang hendak menemukan abjad ghaib dan *lingua universalis*” demikian penulis Italia Umberto Eco mensifatkannya masa itu<sup>2</sup>.

Kiranya Francis Bacon (1561-1626) ialah orang pertama yang mengemukakan idea “tata bahasa filsafah” iaitu suatu ilmu baru yang dimaksudkan untuk membuat “bahasa yang cukup sempurna melalui pemikiran dan perasaan dapat diungkapkan dengan semestinya”<sup>3</sup>. Tidak lama kemudian, Rene Descartes (1596-1650) menyambut gagasan itu. Dalam suratnya yang bertarikh 20 November 1629, beliau membincangkan kemungkinan membuat “bahasa rasional” dengan tasrif (konjugasi), ikrab (deklinsi) dan susunan kata yang benar-benar diseragamkan<sup>4</sup>.

Tanda-tanda bahasa natural adalah sembarangan pada dasarnya. Keserupaan bunyi “tohok” (ikan) dan “tohok” (lembing) sama sekali tidak bererti bahawa benda-benda yang diungkapkannya serupa sahaja. Dari segi lain “bunga mawar” dan “bunga *peony*” adalah serupa, melainkan kata-kata yang dipakai untuk menyebut bunga-bunga itu tidak ada persamaannya. Antara bunyi kata dan maknanya dalam bahasa alamiah itu tidak ada perhubungan yang nyata. Dalam kata akar, bunyinya tidak mencerminkan semantik sama sekali, dalam kata terbitan dapat mencerminkan, tetapi tidak sepenuhnya. Misalnya, mengapa perkataan “penulis” bermaksud “orang”, melainkan “penunjuk” bermaksud “benda”, sedangkan bentuk tanda-tanda “bahasa filsafah”, iaitu “nama sebenarnya dan semula jadi” yang bukan diberikan “undang-undang ataupun adat”, menurut Plato (sekitar 427 SM. - 347 SM.), mesti sesuai dengan sifat benda yang diungkapkannya<sup>5</sup>. Misalnya, benda-benda yang serupa seharusnya disebut dengan perkataan serupa juga. Keanekaragaman makna berbagai-bagai benda itu diungkapkan dalam bentuk serba-serbi susunan daripada beberapa unsur yang primitif secara semantik. Misalnya, segala keanekaragaman perkataan sebarang bahasa terdiri daripada sejumlah fonema yang terbatas. Mari tandakan setiap “atom makna” dengan “atom bunyinya” dan struktur erti kata yang mendalam akan memperlihatkan diri dengan sepenuhnya. Erti dan bunyi perkataan akan melebur menjadi satu: sebaik sahaja kita mendengar kata, terus kita boleh mengertinya; sebaik sahaja kita memikirkan sesuatu, terus kita tahu apa yang mesti kita katakan. Seorang guru dari Scotland, George Dalgarno (1626 – 1687) pada tahun 1661 menerbitkan projeknya<sup>6</sup> pada tahun 1668 Uskup John Wilkins (1614-1672) menyusuli langkahnya. Wilkins membahagikan kontinuum pengertian menjadi 40 jenis: pergaulan, dunia, logam, penyakit dan lain-lain. Setiap jenis pengertian itu terdiri daripada sepuluh macam; setiap macam pengertian terdiri daripada sepuluh sub-macam. Sebagai akibatnya lahirlah empat ribu unit klasifikasi. Setiap jenis, macam dan sub-macam itu bersepadanan dengan gabungan simbol abstrak tertentu. Selain itu, setiap jenis diberi tanda tulis dan bunyi yang terdiri daripada dua huruf. Misalnya, “alam” ditandai dengan *De*, “pohon” ditandai dengan *Do*, “tingkah laku” ditanda dengan *Te* dan lain-lain. Untuk menunjukkan macam mana dua huruf itu ditambah dengan satu lagi iaitu

huruf konsonan. Kalau “alam” ditandai dengan *De*, maka “api” ditandai dengan *Dev*, “udara” dengan *Ded*, “air” dengan *Deg*, “tanah” dengan *Dep*. Untuk menunjukkan sub-macam ditambah lagi huruf saksi: macam “air” termasuk sub-macam “awan” *Dega*, “hujan” *Dege*, “embun beku” *Dege* dan lain-lain. Oleh sebab dalam abjad Latin hurufnya tidak cukup, maka telah digunakan abjad Yunani juga. Sebagai akibatnya pengertian yang jauh satu sama lain mempunyai representasi bunyi yang juga jauh satu sama lain, melainkan yang secara semantik dekat - serupa juga: *Dega*, *Dege*, *Dege* - semuanya itu ialah berbagai bentuk air<sup>7</sup>.

Projek bahasa serupa itu telah diusahakan juga oleh Newton (1642-1727) semasa menuntut di Universiti<sup>8</sup> dan André-Marie Ampère (1775-1836) apabila Revolusi Perancis Besar meletup. Ampère pernah, bahkan menulis beberapa sajak dengan menggunakan bahasa ciptaannya<sup>9</sup>. Pada pertengahan pertama kurun ke-19 Jean-François Sudre (1787-1862) dari Perancis telah mencipta bahasa muzik Solresol yang unit asasnya terdiri daripada tujuh nota. Sesuai dengan keadaan, nota itu boleh diganti dengan tujuh warna pelangi, panji-panji atau angka. Perkataan panjang dibahagi kepada beberapa kategori erti berdasarkan sukukata pertama atau nota. Misalnya, perkataan yang bermula dengan “sol” mempunyai makna berhubungan dengan seni atau ilmu melainkan perkataan yang bermula dengan “solso” mempunyai hubungan dengan penyakit atau kedokteran (*solresol* – “bahasa”; *solsolredo* – “sakit kepala”). Ciri khas bahasa Solresol ialah pengungkapan erti negatif dengan menukar tempat suku kata dalam perkataan. Misalnya *fala* bererti “baik” atau “sedap”, tetapi *lafa* bererti “buruk”<sup>10</sup>.

Timbullah projek lain serupa pada masa kini juga: projek bersama Amerika-Inggeris *Suma* (1957)<sup>11</sup> dan *Loglan* (1966)<sup>12</sup>, projek *BABM* (1960) oleh sarjana Jepun, Rikichi Okamoto (1885–1963) dan *LoCos* (1973)<sup>13</sup>. Dalam bahasa *Suma*, misalnya, ada hanya 19 huruf (i, u, o, e, b, d, f, g, k, l, m, n, p, r, s, t, v, z) dan susunan perkataannya sesuai dengan kategori tertentu: *pamo*, *pimo* – “lelaki”, “perempuan”; *amo*, *imo* – “anak lelaki”, “anak perempuan”; *poma*, *pema* – “baik”, “buruk”; *sole*, *sele*, *sule* – “matahari”, “bulan”, “bintang”.

Oleh kerana kata-kata bahasa buatan itu tidak serupa dengan suatu yang sudah dikenali, maka kata-kata itu susah dihafalkan. “Bahasa falsafah” daripada sudut pengguna baru sama sekali tidak berbeza daripada sebarang bahasa asing: harus bertungkus lumus untuk menguasainya. Lagi pula hampir tidak ada orang yang bercakap dalam bahasa itu. Jadi patutkah kita mempelajarinya?

Tugas utama bahasa alamiah ialah tugas untuk berkomunikasi dan strukturnya dalam proses perkembangannya disesuaikan dengan tugas itu: disesuaikan dengan tidak disedari penggunaanya, tetapi begitu berkesan hal mana tidak mungkin melalui usaha-usaha yang disengajakan. Sebabnya dalam proses penyesuaian itu alamlah memperhitungkan dan mendamaikan banyak kekuatan yang bertindak ke atas segala arah tanpa disedari ataupun dikawali manusia. Akibat proses itu selalu bersifat bertolak ansur. Dengan menemui

sebarang “cacat” dalam struktur bahasa, kita seringkali tidak sedar bahawa itu ialah hanya “bayaran” untuk penyempurnaan suatu yang lain. Misalnya, ketidakpastian perubahan dan pembentukan kata yang sering disesali, dalam banyak hal boleh dijelaskan dengan tendensi terhadap singkatnya ungkapan yakni penghematan usaha. Pada praktiknya, tolak ansur dalam evolusi bahasa ialah sebagai berikut: unit bahasa yang besar mempunyai semantik yang agak pasti, tetapi semakin kecil unitnya semakin kabur semantiknya.

Justru sifat difusi tanda-tanda bahasa, justru kemungkinan menyeragamkan ertinya sesuai dengan situasi pergaulan konkrit itu membuat bahasa alamiah sebagai bahasa yang boleh digunakan secara sejagat dan memungkinkan kita membincangkan bermacam-macam masalah, termasuk yang tidak pernah dibincang sebelumnya. “Bahasa falsafah” tidak mempunyai fleksibiliti setaraf itu. Bahkan kalau meskipun usaha berat orang mencuba memasukkan “bahasa filsafah” ke dalam pergaulan, ianya lambat laun akan mengalami perubahan dan menjadi bahasa alamiah dengan segala kelemahannya dan tolak ansurnya. Tetapi, jika kita dengan sengaja memelihara dasar-dasar falsafah dalam bahasa itu, maka ia tidak akan menolong proses pemikiran, melainkan mengganggu sahaja dengan menyalurkan fikiran ke dalam skema yang dirancang sebelumnya. Suatu semacam itu ada tempatnya di semua rejim ideokratik. “Kata-kata dibuat sedemikian cara sehingga boleh mengungkapkan dengan tepat, seringkali amat tepat, sebarang makna yang diizinkan, <...> dan selain daripada itu supaya boleh menyingkirkan semua makna lain seperti juga kemungkinan mencarinya dengan jalan melencong. <...> Bahasbaru (Newspeak) itu pada dasarnya tidak memberi peluang untuk menyatakan sebarang pendapat bukan ortodoks bersifat umum”- demikian ditulis George Orwell dalam bukunya berjudul *1984*<sup>14</sup>.

Dari satu projek ke satu projek yang lain, bahasa semesta menjadi kurang bersifat buatan. Pada pertengahan kedua abad ke-19, ada pendapat yang menyatakan bahasa itu mesti bersifat bukan *a priori*, melainkan *a posteriori* yakni dibuat atas dasar bahan yang sudah ada. Hanya bahan itu harus diolah dengan dikenakan ketetapan dan keseragaman. Tetapi, apabila bahasa dibina semula dengan cara buatan, maka tidak sesuatu akan mengganggu membinanya atas dasar sistem peraturan yang mudah dan ketat tanpa ketidaktetapan dan alogisme. Dalam hal itu, bahasanya tentu ialah yang tidak sukar untuk dikuasainya. Buku teks bahasa Esperanto yang pertama hanya mempunyai 16 peraturan. Penulis Rusia Leo Tolstoy pernah mencatat: “Enam tahun yang lalu saya menerima buku nahu Esperanto. <...> Selepas dua jam pelajaran saya sudah mampu <...> membaca dalam bahasa itu dengan fasih”<sup>15</sup>.

Usaha pertama membina sistem bahasa buatan atas dasar unsur-unsur bahasa alamiah ialah bahasa Volapük (1879) yang mendapat sambutan agak luas. Penciptanya padri Katolik J. M. Schleier (1831-1912), dari Bawaria itu telah menggunakan leksik dari bahasa Jerman, Perancis, Latin dan Inggeris. Akar perkataan alamiah itu cuba disesuaikan dengan nahu buatan yang ketat sekali. Sesuai dengan peraturan nahu, akar-akar kata harus bermula dan berakhir dengan

konsonan. Dengan demikian, cara kata *apetit* menjadi *potit*, kata *akademi* menjadi *kadem*. Akar kata yang diusahakan itu terdiri dari satu suku. Oleh kerana itu, kata Latin *matrimonium* menjadi *mat*, kata Inggeris *knowledge* menjadi *nol*. Bunyi *r* katanya susah untuk diucapkan orang Cina, orang yang lanjut usianya dan kanak-kanak, maka telah digantikan dengan *l*. Oleh kerana itu, kata Inggeris *crime* menjadi *klim*, kata *proof* menjadi *blof*. Istilah Volapuk sendiri terdiri dari akar kata *vol* (world) dengan akhiran kasus genitif *a* dan akar kata *puk* (speak) yakni “bahasa dunia”<sup>16</sup>. Meskipun prinsip *a posteriori*, teks-teks dalam bahasa itu berbunyi seperti percakapan humanoid dari planet jauh di filem aksi cereka sains: *fat obsik, kel binom in sum* (Bapak kita seru sekalian alam). Penciptanya percaya bahawa itulah bahasa tunggal dan bersatu untuk semua umat manusia. Tetapi, dengan datangnya abad ke-XX sebutan itu tinggal dalam ingatan orang hanya sebagai sinonim abrakadabra dan sebagai nama heroin dalam operetta Kalman “Silwa” - Madam Volapük!

### PROJEK YANG PALING BERJAYA

Pencipta bahasa Esperanto (1887) ialah doktor gigi Ludovic Lazarus Zamenhof (1859-1917) dari Poland. Dia memperhitungkan pengalaman sebelumnya: bahasanya lebih alamiah. Dia sendiri menguasai bahasa Rusia, Yiddish, Jerman, Ibrani, Perancis, Latin, Greek, Polish dan Inggeris. Bukan sahaja akar kata, melainkan banyak imbuhan kata juga dipinjamkan daripada bahasa-bahasa Eropah<sup>17</sup>. Tetapi sistem pembentukan kata begitu dibatasi dengan prinsip ketetapan dan keseragaman sehingga dari morfem yang dikenali sesuai dengan model pembentukan kata yang dikenali juga seringkali dibina kata-kata yang janggal: *cenzuristo* (penapis), *korektisto* (penyemak), *gubernisto* (pelayan rumah). Sepenuhnya direka: *gladilo* (seterika), *plugilo* (bajak), *kolorilo* (warna), *sonorilo* (suara), *direktivo* (kemudi). Jumlah akar kata hanya lima ratus. Dimaksudkan bahawa dengan bantuan akar kata itu dan beberapa imbuhan kata boleh menerbitkan semua kata lain atas dasar ketetapan. Dalam bahasa Melayu kata *ibu*, *isteri*, *anak* ialah kata dasar. Dalam bahasa Esperanto, kata-kata itu ialah kata terbitan (supaya tidak menghafalkan banyak akar kata): *patrino* (ibu) dari *patro* (ayah), *edzino* (isteri) dari *edzo* (suami), *filino* (putri) dari *filo* (putra). Adapun perubahan kata, maka ianya bersifat *a priori* seperti di Volapuk juga. Ini bererti bahawa orang yang menguasai dua-tiga bahasa Eropah tidak semestinya boleh membaca dalam bahasa Esperanto tanpa persiapan. Cuba misalnya mengerti erti kalimat berikutnya: *kiel belaj, kiel fresaj estis la rozoy* (alangkah cantik, alangkah segar dulu mawar itu).

Sekarang, di dunia ini terdapat lebih daripada satu juta orang yang menguasai bahasa Esperanto. Banyak karya sastera telah diterjemahkan ke dalam bahasa itu, selain banyak juga karya telah dicipta langsung dalam Esperanto. Perhatikan, misalnya, terjemahan puisi mantan perdana menteri Malaysia Abdullah Badawi “Ku Cari Damai Abadi” ke dalam bahasa Esperanto<sup>18</sup>:

<b>Ku Cari Damai Abadi</b>	<b>Mi serĉas eternan pacon</b>
Aku cari bukan harta bertimbun-timbun	Min serĉas ne grandaj posedajoj
Untuk hidup kaya	Viv la ŭ vivo de riĉeco
Aku cari bukan wang berjuta-juta	Mi serĉas ne vastaj sumoj de mono
Untuk hidup bergaya	Viv la ŭ vivo de stilo
Aku cari bukan kawan-kawan	Mi serĉas ne amikoj
Untuk hidup sekadar berfoya-foya	Viv la ŭ vivo sencele
Aku cari mana dia Al-Ghazali	Mi serĉas Al-Ghazali
Aku cari mana dia Al-Shafie	Min serĉas Al-Shafie
Kita bongkar rahsia kitab suci	Nin rivelas la sekretojn de la Sankta Libro
Cari pedoman	Por direkto
Kita bongkar rahsia sunnah Nabi	Ni rivelas la sekretojn de la Profeta sunnah
Cari panduan	Por gvido
Aku hidup kerana Dia Rabbi	Mi viv por La Ĉiopova
Dialah teman	Li estas mia kunulo
Dialah wali	Li estas mia gardanto
Dia mencukupi	Li estas kompleta
Aku hidup bererti	Mi viv serioze
Menikmati damai abadi	Sunumanta en eterna paco

Tetapi, menurut pendapat pakar hampir tidak ada harapan satu bahasa buatan serupa Esperanto boleh menyetipikan peranan bahasa alamiah. Tidak ada harapan mengkali Alam dan Penciptanya. Meskipun begitu, ada satu bahasa alamiah di dunia yang mungkin boleh memainkan peranan *lingua universalis* dengan berjayanya. Bahasa itu ialah bahasa Melayu.

## PENUTUP

Mengapa tidak? Kalau dibandingkan dengan bahasa lain, bahasa Melayu mempunyai banyak keunggulannya kerana di dalamnya dipadankan kelebihan bahasa alamiah dan kelebihan bahasa buatan. Kata dasarnya biasanya terdiri dari dua suku kata dan hal ini sangat memudahkan proses menghafalkannya. Tambahan lagi nahu bahasa Melayu cukup senang, dan sistem imbuhan yang agak teratur membolehkan membuat kata terbitan atas dasar ketetapan seperti dalam beberapa bahasa buatan.

Tidak menghairankan justru bahasa Melayulah sudah berabad-abad lamanya menjadi *lingua franca* di kawasan Asia Tenggara dan dikenali dengan baik di luar kawasan itu. Misalnya, di wilayah Hadramaut (Negeri Yaman), bahasa Melayu pernah menjadi bahasa rasmi di istana rajanya dan cerita rakyat Melayu (pantun, syair dan lain-lain) luas tersebar di situ. Adapun Asia Tenggara maka langkah pertama untuk meninggikan taraf bahasa Melayu tentu ialah ura-ura menjadikannya sebagai bahasa rasmi ASEAN. Bukan kebetulan juga salah satu projek bahasa buatan yang diusahakan pada tahun 1991 telah diberi nama

Bahasan dengan mengikutsertakan beberapa perkataan daripada bahasa Melayu (*dan, nama* dan lain-lain)<sup>19</sup>.

Perlu dicatat di sini bahawa sekarang ini semakin banyak persidangan di luar Malaysia sudah diadakan dalam bahasa Melayu. Contoh yang nyata ialah seminar antarabangsa “Pembinaan Negara dan Proses Perkembangan Sastera di Asia Tenggara” yang diadakan Persatuan Nusantara dan Institut Negara-Negara Asia-Afrika pada bulan Jun 1996 di Moscow<sup>20</sup>. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa rasmi utama di *Kolokium Eropah Kajian Indonesia dan Melayu ke-XI* (ECIMS) yang diadakan pada tahun 1999 di Moscow juga<sup>21</sup>. Proses ini tentu akan lebih rancak dengan berdirinya Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu di Malaysia.

#### NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Minat Cathrine Agung terhadap linguistik begitu besar sehingga beliau bertitah mahu menyusun sebuah kamus perbandingan daripada 80 bahasa dan logat, termasuk bahasa Melayu. Pallas, P. *Sravnitelnie Slovari Vseh Yazikov i Narechii, Sobrannih Desnitsey Visochaishey Osobi (Imperatritsey Ekaterinoy II)* (Kamus Perbandingan Semua Bahasa dan Logat Yang Dikumpulkan atas Titah Raja Permaisuri Agung (Ratu Cathrine II). Jilid 1-2. St-Petersburg, 1787-1789.
- <sup>2</sup> Eco, Umberto. *The Search for the Perfect Language*. Oxford, (UK): Blackwell, 1995.
- <sup>3</sup> Botvina, Renata. Francis Bacon’s Natural Philosophy as a Universal Language – IN *Studies in Logic, Grammar and Rhetoric*, University of BiaBystok, 8 (21) 2005.
- <sup>4</sup> *The Philosophical Writings of Descartes*. Vol. III. The Correspondence. Cambridge University Press, 1991.
- <sup>5</sup> Sedley, David. Plato on Language IN *A Companion to Plato*. Ed. Hugh H. Benson. Blackwell Publishing Ltd, 2006.
- <sup>6</sup> *George Dalgarno on Universal Language*. The Art of Signs (1661), The Deaf and Dumb Man’s Tutor (1680), and the Unpublished Papers. Edited by David Cram and Jaap Maat. Oxford University Press, 2001.
- <sup>7</sup> Subbiondo, J. L. Educational Reform in Seventeenth-Century England and John Wilkins’ Philosophical Language - IN *Language & Communication*, Amsterdam: Elsevier. Vol. 21, N 3, July 2001, p. 273-84
- <sup>8</sup> White, Michael. *Isaac Newton: The Last Sorcerer*. New York: Basic Books, 1999
- <sup>9</sup> Garbuz, A. S. Proposal for a universal formalized language of knowledge – IN *Cybernetics and Systems Analysis*. New York, Vol. 33, N 4, July, 1997: 581-588.
- <sup>10</sup> Eco, Umberto. *The Search for the Perfect Language*. Oxford. Blackwell, 1995.
- <sup>11</sup> Russell, Barnett. *Suma, a Neutral Universal Language*. New York: Plainview, 1966.
- <sup>12</sup> *Loglan: A Logical Language*. The Loglan Institute, Gainesville, Florida, 1966.
- <sup>13</sup> Ota, Yukio. *Pictogram Design*. Tokyo: Kashiwashobo, 1987.
- <sup>14</sup> Orwell, G. 1984. Orwell. New York, 1960: 247.
- <sup>15</sup> Tolstoy, Leo. Surat bertarikh 27 April 1894. IN *Leo Tolstoy. Polnoe Sobranie Sochineniy* (Kumpulan Lengkap Karya). Jilid 67. Moscow 1955.
- <sup>16</sup> Sparague, Charles F. *Hand-Book of Volapük*. New York: The Office Company, 1888.
- <sup>17</sup> Auld, William. *La Fenomeno Esperanto* (The Esperanto Phenomenon). Rotterdam: Universala Esperanto-Asocio, 1988.

- <sup>18</sup> Abdullah Ahmad Badawi. *Ku Cari Damai Abadi. I Seek Eternal Peace. In 80 Languages*. Ed. Victor Pogadaev. Faculty of Languages and Linguistics, University of Malaya, 2008, p.26.
- <sup>19</sup> <http://www.langmaker.com/babel/bahasan.htm>
- <sup>20</sup> *National Build-Up and the Process of Literary Development in South-East Asia*. Ed. by V. A. Pogadaev. M.: Nusantara Society, 1997.
- <sup>21</sup> Pogadaev V.A. “Indoneziysko-Malayskiy Mir vo Vtorom Tisyacheletii” (Dunia Indonesia-Melayu dalam alaf kedua). “Vostok (Oriens)”. N 1, 2000, hlm. 161-165; *European Colloquim of Indonesian and Malay Studies XI. Moscow, 29 June – 1 July 1999. Proceeding Papers*. M.: Nusantara Society, 1999.

(Sumber asal adalah kertas kerja dalam bahasa Rusia dengan judul *Lingua Universalis: Ranshe “Teper”* yang pernah dibentangkan di Seminar Persatuan Pengajian Nusantara (Moscow pada 26 Jun 2007 di Institute of Asian and African Studies (IAAS), Moscow.)

Penulis dan Penterjemah: Victor Pogadaev, Ph D  
Jabatan Bahasa-Bahasa Asia & Eropah,  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

Emel: povial@yahoo.com